



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 14 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	'2 FIRMS HAVE EDIBLE BIRD'S NEST PRODUCTS', NATION/NEWS, NST -7 JUALAN PRODUK PERTANIAN DALAM TALIAN RAIH RM63.84 JUTA, HARAKAH DAILY -ONLINE FGV TEROKA PASARAN BERAS WANGI, BH -ONLINE FGV SASAR 3.5 PERATUS PASARAN BERAS WANGI, NIAGA, KOSMO -38 FGV SASAR PENGUASAAN 3.5 PERATUS BERAS WANGI TEMPATAN, EKONOMI, UM -36 FGV SASAR KUASAI 3.5 PERATUS PASARAN BERAS WANGI TEMPATAN PADA AKHIR 2025, BISNES SINAR, SH -30 SAJI SETANDING BERAS IMPORT, BISNES, HM -26 FGV TEROKA PASARAN BERAS WANGI TEMPATAN, BISNES, BH -36 FGV SET TO SPICE UP DOMESTIC FRAGRANT RICE MARKET, SUNBIZ, THE SUN -10 FGV EYES 3.5PC FRAGRANT RICE MARKET SHARE, NEWS/BUSINESS, NST -19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
11.	IKAN GRED TINGGI DITEMUKAN DI TASIK DAN WETLAND PUTRAJAYA, DALAM NEGERI, UM -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12. 13.	AGIHAN BERAS GUNA MESIN AUTOMATIK BANTU RINGKANKAN BEBAN GOLONGAN MEMERLUKAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE AGIHAN BERAS GUNA MESIN AUTOMATIK BANTU RINGKANKAN BEBAN GOLONGAN MEMERLUKAN, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14. 15.	IKAN DI SUNGAI GETING TIDAK TERCEMAR, SELAMAT UNTUK DIMAKAN, NEGARA, KOSMO -7 'TIADA KRISIS BEKALAN IKAN', NASIONAL, SH -13	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
16.	PASFA TANAM 400 POKOK MUSANG KING, NEGERI PAHANG, SH -23	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
17.	TANGANI IMPAK COVI-19, LOKAL, HM -7	AGROBANK
18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25.	PERLU PERTIMBANG KRITERIA BAHARU PEMBIAYAAN PKS, NIAGA, KOSMO -38 70 PERATUS PETANI BERUSIA LEBIH 60 TAHUN, NASIONAL, SH -13 KPDNHEP SERIUS SEKAT BARANG KAWALAN DI SEMPADAN, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE 90 HEKTAR TANAH DILULUSKAN UNTUK BANGUNKAN TKPM, NEGERI PAHANG, SH -23 'TAK PERLU BERSESAK KE CAMERON HIGHLANDS', NEGARA, KOSMO -18 'AYAM SUDAH LAH MAHAL, SUSAH NAK DAPAT PULA', DALAM NEGERI, UM -12 AYAM SAKIT DI UTARA JEJASKAN BEKALAN?, DALAM NEGERI, UM -12 DEDAK MAHAL, TERNAKAN DIKURANGKAN, DALAM NEGERI, UM -12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	NST	NATION/NEWS	7

CHINA BIGGEST IMPORTER

'2 FIRMS HAVE EDIBLE BIRD'S NEST PRODUCTS'

This is out of 41 local companies involved in bird's nest exports, says deputy minister

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

ONLY two of 41 Malaysian licensed companies involved in bird's nest exports approved by the General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC) are producing their own ready-to-eat items, the Dewan Negara was told yesterday.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Dr Nik

Muhammad Zawawi Salleh said of the total, three were registered as raw-cleaned bird's nest producers and 36 others for raw-uncleaned bird's nest.

"Ready-to-eat products have the potential to contribute a higher income. However, most companies opt for the raw-uncleaned bird's nest, which yields faster revenue upon harvest," he

said in reply to a question from Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong.

Zawawi said China was the biggest bird's nest importer, followed by Hong Kong, Singapore, Vietnam, Taiwan and Australia.

He said Malaysia had in 2018 exported 96.5 metric tonnes of bird's nests worth RM283 million.

All applications to export the products must go through the Veterinary Services Department to ensure producers fulfilled requirements set by




Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh

GACC.

"Approvals to export the products require registration of processing plants and Veterinary Health Mark issued by the department.

"Before exporting, the companies must first obtain a Veterinary Health Certificate from DVS and export permit from the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department."



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Jualan produk pertanian dalam talian raih RM63.84 juta



KUALA LUMPUR: Hasil kerjasama strategik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan penyedia platform digital mempromosi hasil pertanian dalam talian melalui Program Pengukuhan Pasaran Online, berjaya meraih jualan bernilai RM63.84 juta.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Nik Muhammad Zawawi Salleh, berkata kerjasama ini

memanfaatkan seramai 1,991 usahawan yang menyertai perniagaan e-Dagang swasta seperti Shopee, Lazada, AirAsia Farm, LokalKita@Dropee, eAGRO, Mukmin Mart, Grab dan Foodpanda.

Katanya, kerjasama pemasaran dalam program pendigitalan di Pasar Tani, Pasar Kekal dan MyFarm Outlet menerusi aplikasi Mukmin Mart pula membabitkan penyertaan 430 usahawan dengan jumlah 7,180 Stock Keeping Unit (SKU) diniagakan melalui aplikasi tersebut.

“Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) juga membangunkan eFAMAPlace@Shopee sebagai pusat sehati untuk mendapatkan produk agromakanan Malaysia.

“MAFI melalui Agrobazar Online (ABO) pula memberi manfaat kepada 6,209 usahawan berdaftar setakat ini,” katanya menjawab soalan lisan Senator Md Nasir Hashim di Dewan Negara, hari ini.

Nik Muhammad Zawawi berkata, program itu turut memperkasakan usahawan dalam pendigitalan melalui media sosial, Marketplace serta Automasi Pemasaran.

Katanya, pemerkasaan tersebut melibatkan kerjasama MAFI dan agensi lain seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dari segi khidmat nasihat, latihan dan bimbingan berterusan kepada usahawan, selain penyedia platform digital terlibat membantu pemasaran dan promosi hasil pertanian

“Kerajaan sentiasa mengambil cakna dan bekerjasama secara strategik dengan penyedia platform digital dalam talian bagi memperkasa dan memperkukuh ruang pemasaran produk pertanian dan makanan secara terus kepada pengguna,” katanya.

Melalui pemasaran atas talian ini, katanya medium berkenaan juga bertindak sebagai kaedah pemasaran alternatif untuk membantu petani, usahawan, pengeluar dan peladang memasarkan hasil pertanian, terutama ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19. – HARAKAHDAILY 13/10/21

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

FGV teroka pasaran beras wangi tempatan



Penggunaan teknologi dron T20 di sawah mampu mempercepatkan proses membaja serta kawalan makhluk perosak dan penyakit oleh petani.

KUALA LUMPUR: FGV Holdings Bhd (FGV), syarikat perniagaan produk pertanian dan makanan kini giat menerokai pasaran beras wangi, justeru merancakkan pasaran produk berkenaan menerusi anak syarikatnya, FGV Integrated Farming

Holdings Sdn Bhd (FGVIF).

Ia berikutan kejayaan pelaksanaan program Beras Wangi Fortified Field (3FR) FGVIF yang berupaya mengoptimumkan penanaman padi wangi tempatan melalui amalan dan teknologi pertanian pintar serta berkesan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Mohd Nazrul Izam Mansor, berkata kumpulan menysar 3.5 peratus penguasaan beras wangi tempatan menjelang akhir 2025 di bawah jenama FGV, SAJI.

Beliau berkata, FGV komited untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) industri beras di Malaysia dan ia dapat dilakukan menerusi program 3FR FGV yang menyokong program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), yang dimulakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Katanya, SMART SBB dijangka dapat membantu negara mencapai 75 peratus tahap SSL beras seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Matlamat kami ialah supaya beras wangi SAJI FGV menjadi pilihan rakyat Malaysia dan dunia pada masa akan datang. Dengan kemampuan dalaman, sumber daya dan pelbagai aplikasi teknologi FGV, beras wangi tempatan yang dihasilkan berkualiti tinggi dan setanding dengan beras import dari Thailand.

"Melangkah ke hadapan, FGV merancang untuk mengembangkan lagi kawasan penanaman padi wangi kepada 10,000 hektar dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya dalam satu kenyataan.

Program 3FR itu menggabungkan kepakaran FGV dalam peningkatan prestasi sawah menerusi Pertanian 4.0 dan ketepatan perladangan yang menjimatkan dan lestari.

Ia termasuk menerapkan penggunaan teknologi dalam perladangan seperti mekanisasi, dron, Internet Kebendaan (IoT), sensor sawah, kawalan makhluk perosak dan penyakit, serta mesin penanaman padi automatik.

Semua produk sampingan yang terhasil dari perladangan sawah padi dan kilang beras wangi seperti dedak dan sekam padi tidak dibazirkan, dan digunakan sebagai komponen dalam makanan ternakan FGV di bawah jenama ALMA.

Mohd Nazrul berkata, program 3FR itu dengan pantasnya menjadi sistem tanaman pilihan petani.

Beliau berkata, bagi membantu meningkatkan hasil padi, FGV menyediakan bantuan sokongan dan bimbingan berterusan kepada mereka di samping menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi memeriksa dan memantau tanaman secara berjadual.

Katanya, FGV juga aktif dalam mempromosikan penanaman benih padi wangi MRQ76 yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dalam kalangan petani kontrak FGV.

"Memandangkan ekonomi negara kini dalam fasa pemulihan, inilah masanya untuk kita 'membeli barangan tempatan'. Apabila pengguna membeli beras wangi kami, mereka secara langsung membantu kehidupan petani tempatan.

"Selain itu, petani yang menanam padi wangi ini turut berpeluang meningkatkan pendapatan mereka. Setiap tuaian tanaman padi wangi menawarkan pulangan sehingga RM1,540 setiap tan berbanding RM1,200 setiap tan bagi jualan beras biasa," katanya.

Usaha pemasaran yang sedang dijalankan termasuk mengukuhkan kesedaran pengguna menerusi platform e-dagang iaitu Gogopasar, selain bekerjasama dengan pemain industri makanan yang berkaitan.

Bagi meningkatkan lagi capaian pengguna terhadap bekalan beras wangi tempatan, FGV telah menggiatkan lagi pengambilan ejen jualan di seluruh negara di samping meningkatkan kapasiti pasukan pemasarannya.

Ketika ini, program 3FR FGV sedang dilaksanakan di sawah jelapang berkeluasan 500 hektar di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut di Selangor, dan 100 hektar di IADA Seberang Perak, Perak bersama 260 petani kontrak tempatan yang dilantik.

FGV sasar 3.5 peratus pasaran beras wangi

PETALING JAYA - FGV Holdings Bhd. (FGV) menyasarkan penguasaan 3.5 peratus daripada pasaran beras wangi tempatan menjelang akhir 2025 di bawah jenama Saji.

Ia menerusi kejayaan pelaksanaan program Beras Wangi Fortified Field (3FR) oleh anak syarikatnya, FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. (FGVIF) yang berupaya mengoptimumkan penanaman padi wangi tempatan melalui amalan dan teknologi pertanian pintar.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Mohd. Nazrul Izam Mansor berkata, pihaknya komited membantu meningkatkan tahap sara diri (SSL) industri beras negara dengan menyokong program Smart Sawah Berskala Besar oleh kerajaan bagi mencapai tahap SSL beras 75 peratus yang digariskan Rancangan Malaysia Ke-12.

"Matlamat kami adalah untuk menjadikan beras wangi Saji FGV menjadi pilihan rakyat menerusi penghasilan beras wangi tempatan berkualiti dan setanding beras import dari Thailand.

"FGV merancang mengembangkan kawasan penanaman padi wangi kepada 10,000 hektar dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya dalam satu kenyataan.

Program 3FR menerapkan penggunaan mekanisasi, drone, internet kebendaan (IoT), sensor



PROGRAM 3FR meningkatkan kecekapan dalam aspek penanaman padi melalui penggunaan mesin automatik.

sawah dan mesin penanaman padi automatik bagi menambah baik kecekapan dan kelestarian penanaman padi.

Semua produk sampingan yang terhasil daripada perladangan sawah padi dan kilang seperi dedak dan sekam padi akan digunakan sebagai komponen dalam penghasilan makanan

ternakan FGV di bawah jenama ALMA.

3FR FGV kini dilaksanakan di jelapang padi berkeluasan 500 hektar di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut di Selangor dan 100 hektar lagi di IADA Seberang Perak bersama 260 orang petani kontrak tempatan yang dilantik.

Perlu pertimbang kriteria baharu pembiayaan PKS

PETALING JAYA - Kerajaan dan institusi kewangan disaran mempertimbangkan pengenalan syarat-syarat baharu yang lebih relevan bagi meluluskan bantuan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam suasana ekonomi luar biasa kini.

Pengarah dan Pengasas Hersama Orpheus Capital Sdn. Bhd., Muhammad Hamudi Abdul Khalid berkata, antara kriteria yang boleh dilihat adalah prestasi perniagaan sebelum pandemik.

Jelasnya, ketika kadar vaksinasi populasi dewasa negara telah mencapai 90 peratus dan pelbagai sektor ekonomi mula dibenarkan beroperasi, banyak perniagaan yang memerlukan modal untuk memulakan semula operasi mereka.

"Namun disebabkan cabaran pandemik, akaun perniagaan-kumpulan yang terjejas adalah kurang baik dan ini menyebabkan



PROGRAM subsidi upah perlu dikuatkuatkan sehingga tahun depan bagi memberi ruang kepada PKS untuk kembali bernafas dan menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat. - GAMBAR HIASAN

mereka sukar mendapat pinjaman. Sehubungan itu, dalam suasana luar biasa kini, pihak pemberi pinjaman perlu melihat kriteria baharu yang bersesuaian dengan situasi pemohon.

"Antara perkara yang boleh dilihat adalah perolehan mereka sebelum ini. Sekiranya sebelum Covid-19, pemohon mampu menjana pendapatan RM100,000 jadi mungkin boleh diberi pem-

biayaan sekitar 30 peratus daripada jumlah tersebut," katanya kepada Kosmo! semalam.

Orpheus Capital merupakan syarikat teknologi kewangan digital yang menyediakan pem-

biayaan patuh syariah dengan memfokuskan kepada PKS yang kurang dilayan pihak bank.

Antara produk terbaharu syarikat adalah program pembiayaan jangka pendek iaitu Gaji-Now Financing bersesuaian untuk perusahaan serta individu.

Tambah Muhammad Hamudi, pembiayaan itu mendapat sambutan baik merentasi pelbagai industri termasuk sektor pertanian.

Selain itu, pihaknya bersetuju dengan saranan supaya kerajaan meneruskan program subsidi upah pada tahun hadapan, terutamanya melibatkan sektor yang tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

"Insentif ini perlu diteruskan sehingga tahun depan bagi memberi ruang kepada perniagaan untuk bernafas dan terus menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	36

FGV sasar penguasaan 3.5 peratus beras wangi tempatan

PETALING JAYA: FGV Holdings Berhad (FGV), syarikat perniagaan agri dan makanan negara sedia merencanakan pasaran beras wangi tempatan selepas kejayaan pelaksanaan program Beras Wangi Fortified Field (3FR).

Kejayaan menerusi anak syarikatnya, FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. (FGVIF) itu dapat mengoptimalkan penanaman padi wangi tempatan melalui amalan dan teknologi pertanian pintar.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Mohd. Nazrul Izam Mansor berkata, kumpulan menyasar 3.5 peratus penguasaan beras wangi tempatan pada akhir 2025 di bawah jenama unggul FGV, SAJI.

Ujarnya, FGV komited untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) industri beras di Malaysia dan ia dapat dilakukan menerusi program 3FR FGV yang menyokong program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), yang dimulakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"SMART SBB dijangka dapat membantu negara mencapai 75 peratus tahap SSL beras seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Matlamat kami ialah beras wangi SAJI FGV menjadi pilihan rakyat Malaysia dan dunia pada masa akan datang. Dengan kemampuan dalaman, sumber daya dan pelbagai aplikasi teknologi FGV, beras wangi tempatan yang dihasilkan berkualiti tinggi dan sebanding dengan beras import dari Thailand.

"Melangkah ke hadapan, FGV merancang untuk mengembangkan lagi kawasan penanaman padi wangi kepada 10,000 hektar dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya dalam kenyataan, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	30

FGV sasar kuasai 3.5 peratus pasaran beras wangi tempatan pada akhir 2025

KUALA LUMPUR - Syarikat perniagaan tani dan makanan negara, FGV Holdings Bhd (FGV), menyasar untuk menguasai 3.5 peratus pasaran beras wangi tempatan pada akhir 2025 di bawah jenama unggulnya, Saji.

Menerusi kenyataan pada Rabu, FGV menjelaskan ia akan dicapai menerusi pelaksanaan program Beras Wangi Fortified Field (3FR) oleh FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF) yang berupaya mengoptimumkan penanaman padi wangi tempatan melalui amalan dan teknologi pertanian pintar serta berkesan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Mohd Nazrul Izam Mansor berkata, pihaknya merancang untuk memperluas kawasan penanaman padi wangi kepada 10,000 hektar dalam tempoh lima tahun akan datang.

"FGV komited untuk meningkatkan tahap sara diri

(SSL) industri beras di Malaysia dan ia dapat dilakukannya menerusi program 3FR FGV yang menyokong program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB), yang dimulakan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Smart SBB dijangka dapat membantu negara mencapai 75 peratus tahap SSL beras seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Nazrul berkata, matlamat FGV adalah supaya beras wangi Saji FGV menjadi pilihan rakyat Malaysia dan dunia pada masa akan datang.

"Menerusi kemampuan dalaman, sumber daya dan pelbagai aplikasi teknologi FGV, beras wangi tempatan yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi dan setanding dengan beras import dari Thailand," katanya.

Menurut FGV, program

3FR menggabungkan kepakarannya dalam peningkatan prestasi sawah menerusi Pertanian 4.0 dan ketepatan perladangan yang menjimatkan dan lestari.

"Ini termasuk menerapkan penggunaan teknologi dalam perladangan seperti mekanisasi, dron, Internet Kebendaan (IoT), sensor sawah, kawalan makhluk perosak dan penyakit, serta mesin penanaman padi automatik," jelasnya.

Justeru, FGV bersedia merancarkan pasaran beras wangi tempatan menerusi anak syarikatnya, FGVIF.

FGV menambah, ketika ini program 3FR FGV sedang dilaksanakan di sawah jelapang berkeluasan 500 hektar di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut di Selangor, dan 100 hektar di IADA Seberang Perak, Perak bersama 260 petani kontrak tempatan yang dilantik. - *Bernama*

Saji setanding beras import

FGV sasar kuasai 3.5 peratus pasaran beras wangi tempatan menjelang akhir 2025

Kuala Lumpur

Syarikat perniagaan tani dan makanan negara, FGV Holdings Bhd (FGV), menyasar menguasai 3.5 peratus pasaran beras wangi tempatan pada akhir 2025 di bawah jenama unggulnya, Saji.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV, Mohd Nazrul Izam Mansor berkata, ia dicapai menerusi pelaksanaan program Beras Wangi Fortified Field™ (3FR) oleh FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF) yang berupaya mengoptimumkan penanaman padi wangi tempatan melalui amalan dan teknologi pertanian pintar serta berkesan.

"Kami merancang memperluas kawasan penanaman padi wangi kepada 10,000 hektar dalam tempoh lima tahun akan datang."

"FGV komited meningkatkan tahap sara diri (SSI) industri beras di Malaysia dan ia dapat dilakukan menerusi program 3FR FGV yang menyokong program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang dimula-



MOHD NAZRUL IZAM

kan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Smart SBB dijangka membantu negara mencapai 75 peratus tahap SSI beras seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, matlamat FGV adalah supaya beras wangi Saji FGV menjadi pilihan rakyat Malaysia dan dunia pada masa akan datang.

"Menerusi kemampuan dalaman, sumber daya dan

pelbagai aplikasi teknologi FGV, beras wangi tempatan yang dihasilkan berkecuali tinggi dan setanding beras import Thailand," katanya.

Menurutnya, program 3FR menggabungkan kepakarannya dalam peningkatan prestasi sawah menerusi Pertanian 4.0 dan ketepatan perlombongan yang menjimatkan dan lestari.

Ini termasuk menerapkan penggunaan teknologi dalam perlombongan seperti mekanisasi, dron, Internet Kebendaan (IoT), sensor sawah, kawalan makhluk pe-

rosak dan penyakit, serta mesin penanaman padi automatik.

Katanya, FGV bersedia merancarkan pasaran beras wangi tempatan menerusi anak syarikatnya, FGVIF.

"Ketika ini program 3FR FGV dilaksanakan di sawah jelapang berkeluasan 500 hektar di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut di Selangor, dan 100 hektar di IADA Seberang Perak, Perak bersama 260 petani kontrak tempatan yang dilantik," katanya.

PENGUNAAN teknologi dron T20 di sawah mampu mempercepatkan proses membaja dan kawalan makhluk perosak serta penyakit oleh petani.



FGV teroka pasaran beras wangi tempatan

Program 3FR mampu optimum hasil melalui amalan, teknologi pertanian pintar

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

***FGV Holdings Bhd (FGV), syarikat perniagaan produk pertanian dan makanan kini giat menerokai pasaran beras wangi, justeru merencanakan pasaran produk berkecayaan menerusi anak syarikatnya, FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF).**

La berikutan kejayaan pelaksanaan program Beras Wangi Fortified Field (3FR) FGVIF yang berupaya mengoptimalkan penanaman padi wangi tempatan melalui amalan dan teknologi pertanian pintar serta berkesan.

Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan FGV, Mohd Nazrul Izam Mansor, berkata kumpulan menyasar 3.5 peratus penguasaan beras wangi tempatan menjelang akhir 2025 di bawah jenama FGV, SAJI.

Bellau berkata, FGV komited untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) industri beras di Malaysia dan ia dapat dilakukan menerusi program 3FR FGV yang menyokong program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dimulakan Kementerian Pertanian dan Industri Makana (MAFI).

Katanya, SMART SBB dijangka dapat membantu negara mencapai 75 peratus tahap SSL beras seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Matlamat kami ialah supaya beras wangi SAJI FGV menjadi pilihan rakyat Malaysia dan dunia pada masa akan datang. Dengan kemampuan dalaman, sumber daya dan pelbagai aplikasi teknologi FGV, beras wangi tempatan yang dihasilkan bertualiti tinggi dan selendang dengan beras import dari Thailand."

"Melangkah ke hadapan, FGV merancang untuk mengembangkannya lagi kawasan penanaman padi wangi kepada 10,000 hektar dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya dalam satu kenyataan.

Program 3FR itu menggabungkan kepakaran FGV dalam peningkatan prestasi sawah menerusi Pertanian 4.0 dan ketepatan pertanian dengan yang menjadikannya lebih lestari.

Ia termasuk menerapkan penggunaan teknologi dalam pertanian dengan seperti mekanisasi, dron, internet kecerdasan (IoT), sensor sawah, kawalan makhluk perosok dan penyakit, serta mesin penanaman padi automatik.

Semua produk sampingan yang terhasil dari perladangan sawah dan kilang beras wangi seperti dedak dan sekam padi tidak dibazirkan, dan digunakan sebagai komponen dalam makanan ternakan FGV di bawah jenama ALMA.

Mohd Nazrul berkata, program 3FR itu dengan pautannya menjadi sistem tanaman pilihan petani.

Bellau berkata, bagi membantu meningkatkan hasil padi, FGV menyediakan bantuan sokongan dan bimbingan berterusan kepada mereka di samping menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi memeriksa dan memantau tanaman secara berjadual.

Katanya, FGV juga aktif dalam mempromosikan penanaman benih padi wangi MRQ76 yang dihasilkan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dalam kalangan petani kontraktor FGV.

"Memandangkan ekonomi negara kini dalam fasa pemulihan, inilah masanya untuk kita membeli barangan tempatan. Apabila pengguna membeli beras wangi kami, mereka secara langsung membantu kehidupan petani tempatan."



Mohd Nazrul Izam Mansor



Penggunaan teknologi dron T20 di ladang mempercepat proses pembibitan serta pengendalian perosok dan penyakit.

"Selain itu, petani yang menanam padi wangi ini turut berpeluang meningkatkan pendapatan mereka. Setiap tnaian tanaman padi wangi menawarkan pulangan sehingga RM1,540 setiap tan berbanding RM1,200 setiap tan bagi jualan beras biasa," katanya.

Usaha pemasaran yang sedang dijalankan termasuk mengukuhkan kesedaran pengguna menerusi platform e-dagang iaitu Gogopasar, selain bekerjasama dengan pemain industri makanan yang berkaitan.

Bagi meningkatkan lagi capaian pengguna terhadap bekalan beras wangi tempatan, FGV menggiatkan lagi pengambilalihan jualan di seluruh negara di samping meningkatkan kapasiti pasukan pemasarannya.

Ketika ini, program 3FR FGV sedang dilaksanakan di sawah jelapang berkeluasan 500 hektar di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut di Selangor dan 100 hektar di IADA Seberang Perak, Perak bersama 280 petani kontraktor tempatan yang dilantik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	THE SUN	SUNBIZ	10

FGV set to spice up domestic fragrant rice market

PETALING JAYA: FGV Holdings Bhd (FGV) is poised to invigorate the domestic fragrant rice market through its subsidiary FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF) as it plans to expand to 10,000ha of fragrant padi farming area in the next five years.

Through the implementation of FGVIF's Fortified Field™ Fragrant Rice (3FR) programme, which optimises local fragrant rice padi farming through smart and effective agriculture practices and technologies, FGV group CEO Mohd Nazrul Izam Mansor said, the group is targeting a 3.5% share of the local fragrant rice market by the end of 2025, under FGV's household brand Saji.

"FGV is committed to increasing the Self-Sufficiency Level (SSL) of rice in Malaysia, and this is made possible through FGV's 3FR



programme which is in support of the Large-Scale Smart Paddy Field Programme (Smart SBB) initiated by the Ministry of Agriculture and Food Industry. Smart SBB is expected to help the country achieve 75% of the SSL of

rice, as set in the 12th Malaysia Plan," he said in a statement yesterday.

"Our goal is for FGV's Saji fragrant rice to be the choice of Malaysians and the world, in the future. With FGV's internal capabilities, resources and application of various technologies, the local fragrant rice produced is of high quality and comparable to imported rice from Thailand," added Mohd Nazrul.

The 3FR programme combines FGV's expertise in enhanced field performance through Agriculture 4.0 and precision farming which are economical and sustainable. This includes mechanisation, utilising drones (*pix*), use of Internet of Things technology in farming applications, field sensors, pest and disease control, and automated transplanting machines.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	NST	NEWS/ BUSINESS	19



FGV Holdings Bhd plans to expand the fragrant padi farming area to 10,000ha in the next five years.

2025 TARGET

FGV eyes 3.5pc fragrant rice market share

KUALA LUMPUR: FGV Holdings Bhd (FGV) aims to capture a 3.5 per cent share of the local fragrant rice market by the end of 2025 under the group's household brand, Sajil.

In a statement yesterday, FGV said this would be made possible with the implementation of the Fortified Field Fragrant Rice (3FR) programme by its subsidiary, FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd, which optimises local fragrant rice farming through smart and effective agricultural practices and technologies.

FGV group chief executive officer Mohd Nazrul Izam Mansor said the group also planned to expand the fragrant-padi farming area to 10,000ha in the next five years.

"FGV is committed to increasing the self-sufficiency level (SSL) of rice production in Malaysia through our 3FR pro-

gramme, which is in support of the large-scale smart padi field programme (Smart SBB), initiated by the Agriculture and Food Industry Ministry.

"Smart SBB is expected to help the country achieve 75 per cent of the SSL of rice production, as set in the 12th Malaysia Plan," he said.

Additionally, rice farmers will also be able to boost their incomes, as a single fragrant padi crop offers a return of RM1,540 per tonne, compared with ordinary padi which is sold at RM1,200 per tonne.

FGV's 3FR programme is being implemented in 500ha of granary fields in the integrated agricultural development area (IADA) Barat Laut in Selangor, and

100ha in IADA Seberang Perak involving 260 appointed contract farmers.

The 3FR programme combines FGV's expertise in enhanced field performance through Agriculture 4.0 and precision farming which are economical and sustainable.

"This includes mechanisation, utilising drones, use of Internet of Things technology in farming applications, field sensors, pest and disease control, and automated transplanting machines.

"All by-products from the fragrant padi farms and rice mills such as rice bran and rice husks are not wasted, and are used as components in FGV's animal feed brand, Alma." **Bernama**



Mohd Nazrul Izam Mansor

14/10/2021

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

Ikan gred tinggi ditemukan di Tasik dan Wetland Putrajaya

PUTRAJAYA: Ikan gred tinggi seperti Temoleh dan Kelah sangat sensitif kepada pencemaran air, malah, spesies itu hanya ditemukan di kawasan sungai bersih dan ekosistem yang sensitif.

Bagaimanapun, dua spesies ikan itu adalah antara 56 spesies ikan yang dikesan menjadikan Tasik Putrajaya dan Wetland Putrajaya sebagai habitatnya.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Tasik dan Wetland, Jabatan Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya (PPJ), Normaliza Noordin berkata, kehadiran ikan-ikan itu juga secara langsung menjadi penunjuk biologi ekosistem yang sihat kerana ia sangat sensitif dengan pencemaran.

Beliau berkata, kajian pada tahun lalu mendapati, nilai In-

deks Kualiti Air Tasik Putrajaya adalah 92.8 sekali gus menunjukkan kualiti air yang sangat baik.

"Keadaan itu menjadikan ekosistem akuatik perbandaran ini habitat yang kondusif kepada ikan-ikan gred tinggi seperti Kelah dan Temoleh untuk terus mendiami," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, sistem pengurusan ikan bersepadu di Tasik Putrajaya dilaksanakan dengan kerjasama dan bantuan teknikal dari Jabatan Perikanan Malaysia.

Normaliza berkata, aspek pengurusan adalah termasuk aktiviti persampelan, penambahan stok serta kawalan ikan pemangsa bagi tujuan kawalan serta keseimbangan populasi.

Menurutnya, PPJ turut

menganjurkan pertandingan memancing di lokasi-lokasi tertentu di Tasik Putrajaya bagi memberi peluang kepada kaki-kaki pancing untuk menjinak dan mendaratkan ikan bagi merebut hadiah pertandingan.

"Aktiviti memancing ini turut memberi manfaat sebagai rekod inventori spesies ikan yang mendiami Tasik dan Wetland Putrajaya.

"Inventori yang dijalankan sejak tahun 2000 merekodkan 56 spesies ikan ditemui di Tasik dan Wetland Putrajaya," katanya.

Bagaimanapun, katanya, hanya 31 spesies ikan yang sering ditemukan saban tahun semasa persampelan saintifik dilaksanakan bersama pihak Jabatan Perikanan.

AKTIVITI memancing memberi manfaat sebagai rekod inventori spesies ikan yang mendiami Tasik dan Wetland Putrajaya.





14 OCT, 2021

Agihan beras guna mesin automatik bantu ringankan beban golongan memerlukan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Agihan beras guna mesin automatik bantu ringankan beban golongan memerlukan

Oleh Adriana Mroon Ambrose

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah bekerjasama dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) Vietnam, syarikat PHGLock Vietnam dan Sekretariat Food Bank Malaysia bagi agihan beras menggunakan mesin automatik (Rice ATM Machine).

Program ini selaras dengan tiga ciri #KeluargaMalaysia iaitu keutamaan kerajaan adalah untuk memerangi kemelut kesihatan dan ekonomi, tanpa memandang siapa yang ditimpa musibah.

Usaha memulihkan negara ini akan tercapai dengan terus memupuk, menyemai dan mempertahankan ciri-ciri Keterangkuman (Inclusivity), Kebersamaan (Common Ground) dan Kesyukuran (Contentment) yang rakyat Malaysia miliki.

Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, syarikat PHGLock Vietnam telah menyumbangkan sebanyak lima Rice ATM Machine kepada Malaysia.

"Mesin berkonsepkan Automatic Teller Machine (ATM) ini adalah bertujuan



MESIN BERAS: Haslina (tengah) meninjau Rice ATM Machine yang ditempatkan di Rumah Prihatin @ Grand Seasons, Kuala Lumpur.

untuk membantu aktiviti agihan beras kepada golongan yang memerlukan.

"Sekretariat Food Bank Malaysia pula telah diberi mandat untuk mengoperasikan Rice ATM tersebut di lokasi terpilih antaranya di Kuala Lumpur, Johor dan Perak di mana mereka telah pun melaksanakan program

CSR dalam bentuk agihan makanan kepada golongan kurang berkemampuan di Malaysia."

"Sumbangan mesin ini akan membantu melancarkan aktiviti agihan beras dengan lebih cekap dan efektif," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan

majlis penyerahan Rice ATM kepada pihak Sekretariat Food Bank Malaysia di Rumah Prihatin @ Grand Seasons, Kuala Lumpur.

Jelas Haslina lagi, Rice ATM Machines yang dihasilkan oleh PHGLock Vietnam berkonsepkan ATM untuk membantu aktiviti agihan beras kepada golongan yang

memerlukan.

"Mesin berkapasiti 500kg ini berupaya untuk mengedagihkan kepada 200 orang jam dan hanya memerlukan tenaga kerja minimum untuk memantau pengoperasiannya," katanya.

Pada majlis sama, Haslina turut menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin kepada golongan asnaf yang berdaftar.

Haslina berkata, sejak Januari hingga September yang lalu, seramai 117,033 penerima telah direkodkan menerusi Program MAFI Prihatin di lebih 500 lokasi seluruh negara melibatkan 10 buah jabatan dan agensi di bawah MAFI.

"Manakala sehingga 9 Oktober 2021, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja telah memberi manfaat kepada 38,874 orang di 206 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 84.61 metrik tan makanan telah disalurkan.

Rumah Prihatin merupakan pusat derma bakti berunsur hotel kebajikan yang pertama di Malaysia dan menyediakan enam inisiatif Wilayah Prihatin seperti perkhidmatan Bilik Peningapan Prihatin, Jejak Prihatin, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin, Food Bank Prihatin, Toybank Prihatin dan Dapur Prihatin.



14 OCT, 2021

Agihan beras guna mesin automatik bantu ringankan beban golongan memerlukan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah bekerjasama dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) Vietnam, syarikat PHGLock Vietnam dan Sekretariat Food Bank Malaysia bagi agihan beras menggunakan mesin automatik (Rice ATM Machine). Program ini selaras dengan tiga ciri #KeluargaMalaysia iaitu keutamaan kerajaan adalah untuk memerangi kemelut kesihatan dan ekonomi, tanpa memandang siapa yang ditimpa musibah.



14 OCT, 2021

Agihan beras guna mesin automatik bantu ringankan beban golongan memerlukan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Agihan beras guna mesin automatik bantu ringankan beban golongan memerlukan

Oleh Adriana Mroon Ambrose

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah bekerjasama dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) Vietnam, syarikat PHGLock Vietnam dan Sekretariat Food Bank Malaysia bagi agihan beras menggunakan mesin automatik (Rice ATM Machine).

Program ini selaras dengan tiga ciri #KeluargaMalaysia iaitu keutamaan kerajaan adalah untuk memerangi kemelut kesihatan dan ekonomi, tanpa memandang siapa yang ditimpa musibah.

Usaha memulihkan negara ini akan tercapai dengan terus memupuk, menyemai dan mempertahankan ciri-ciri Keterangkuman (Inclusivity), Kebersamaan (Common Ground) dan Kesyukuran (Contentment) yang rakyat Malaysia miliki.

Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, syarikat PHGLock Vietnam telah menyumbang sebanyak lima Rice ATM Machine kepada Malaysia.

"Mesin berkonsepkan Automatic Teller Machine (ATM) ini adalah bertujuan untuk membantu aktiviti agihan beras kepada golongan yang memerlukan.

"Sekretariat Food Bank Malaysia pula telah diberi mandat untuk mengoperasikan Rice ATM tersebut di lokasi terpilih



MESIN BERAS: Haslina (tengah) meninjau Rice ATM Machine yang ditempatkan di Rumah Prihatin @ Grand Seasons, Kuala Lumpur.

antaranya di Kuala Lumpur, Johor dan Perak di mana mereka telah pun melaksanakan program CSR dalam bentuk agihan makanan kepada golongan kurang berkemampuan di Malaysia.

"Sumbangan mesin ini akan membantu melancarkan aktiviti agihan beras dengan lebih cekap dan efektif," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis penyerahan Rice ATM kepada pihak Sekretariat Food Bank Malaysia di Rumah Prihatin @ Grand Seasons, Kuala Lumpur.

Jelas Haslina lagi, Rice ATM Machines yang dihasilkan oleh PHGLock Vietnam berkonsepkan ATM untuk membantu aktiviti agihan beras kepada golongan yang memerlukan.

"Mesin berkapasiti 500kg ini berupaya untuk mengendali agihan kepada 200 orang jam dan hanya memerlukan tenaga kerja minimum untuk memantau pengoperasiannya," katanya.

Pada majlis sama, Haslina turut menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin kepada golongan asnaf yang berdaftar.

Haslina berkata, sejak Januari hingga September yang lalu, seramai 117,033 penerima telah direkodkan menerusi Program MAFI Prihatin di lebih 500 lokasi seluruh negara melibatkan 10 buah jabatan dan agensi di bawah MAFI.

"Manakala sehingga 9 Oktober 2021, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja telah memberi manfaat kepada 38,874 orang di 206 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 84.61 metrik tan makanan telah disalurkan.

Rumah Prihatin merupakan pusat derma bakti berunsur hotel kebajikan yang pertama di Malaysia dan menyediakan enam inisiatif Wilayah Prihatin seperti perkhidmatan Bilik Penginapan Prihatin, Jejak Prihatin, Khidmat Kesihatan Mental Prihatin, Food Bank Prihatin, Toybank Prihatin dan Dapur Prihatin.



14 OCT, 2021

Agihan beras guna mesin automatik bantu ringankan beban golongan memerlukan

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah bekerjasama dalam tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersama Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) Vietnam, syarikat PHGLock Vietnam dan Sekretariat Food Bank Malaysia bagi agihan beras menggunakan mesin automatik (Rice ATM Machine). Program ini selaras dengan tiga ciri #KeluargaMalaysia iaitu keutamaan kerajaan adalah untuk memerangi kemelut kesihatan dan ekonomi, tanpa memandang siapa yang ditimpa musibah.

14/10/2021

KOSMO

NEGARA

7

Ikan di Sungai Geting tidak tercemar, selamat untuk dimakan



SYED ABU HUSSIN (dua dari kanan) menyerahkan kotak ikan kepada ahli PNK Matang di Jeti Kampung Menteri, Bukit Cantang semalam.

BUKIT CANTANG - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi jaminan hasil ikan di kawasan perairan Sungai Geting, Tumpat, Kelantan masih selamat untuk dimakan.

Pengerusi LKIM, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Fasal berkata, hanya kerang-kerangan yang dikesan telah tercemar dengan toksin dan boleh memudaratkan kesihatan.

Katanya, kerang-kerangan di kawasan itu dipercayai telah tercemar dengan sisa toksin di kawasan berkenaan.

Menurut beliau, ini kerana habitat dan cara pemakanan

kerang-kerangan berbeza dengan cara pemakanan ikan.

"Setakat ini hasil ikan dari kawasan perairan Sungai Geting masih selamat untuk dimakan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita pada program penyerahan bantuan kotak ikan berinsulasi kepada 74 ahli Peratuan Nelayan Kawasan (PNK) Matang di Jeti Kampung Menteri, Kuala Sepetang di sini semalam.

Terdahulu, satu notis larangan dari Jabatan Perikanan negeri Kelantan telah dikeluarkan berhubung pencemaran sisa alga berbahaya di kawasan perairan

Sungai Geting.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri Kelantan, Nazri Isbak berkata, larangan itu bertujuan melindungi serta-merta berikutan hasil kepulauan analisis daripada makmal Biosekuriti Perikanan yang dijalankan menemui bahan toksin itu.

"Bahan toksin itu ditemui pada spesies kerang-kerangan seperti tiram, lokan, kepah dan jala yang dikutip sekitar kawasan Perairan Sungai Geting.

"Akibat daripada memakan kerang-kerangan yang tercemar itu boleh menyebabkan keracunan, berbahaya dan memudaratkan kesihatan," katanya.

'Tiada krisis bekalan ikan'

LKIM beri jaminan tidak berlaku kekurangan bekalan seperti krisis ayam

Oleh SAIFULLAH AHMAD

TAIPING

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan memastikan bekalan ikan menjelang musim tengkujuh mencukupi di negara ini.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, kekurangan bekalan ikan dijangka berlaku kerana nelayan akan kurang turun ke laut pada musim tersebut.

Jelas beliau, bagaimanapun mereka sudah mempunyai stok penimbunan ikan yang disimpan menerusi syarikat besar.

"Jika berlaku monsun ini,

bukan bermaksud tiada ikan langsung yang didaratkan tetapi hanya berlaku kekurangan. Jika angin tak kuat kapal jenis C2 masih boleh turun ke laut.

"Kita belum lagi berhadapan krisis seperti kekurangan ayam kerana masih dapat kawal dan memastikan bekalan protein daripada ikan mencukupi," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas Program Penyerahan Bantuan Kotak Ikan Berinsulasi dan Penyerahan Surat Tawaran Program Khas Perumahan Nelayan Persatuan Nelayan Kewasan di Jeti Kampung Menteri, Kuala Sepetang di sini pada Rabu.

Syed Abu Hussin berkata, selain ikan laut, ikan darat dan kolam sebanyak 20 peratus serta ikan import turut menampung bekalan makanan rakyat.

Menurutnya, jika masih berlaku kekurangan, import ikan sejuk beku akan ditambah.

Katanya, kebanyakan kapal



Syed Abu Hussin (dua dari kanan) menyampaikan kotak ikan berinsulasi di Jeti Kampung Menteri, Kuala Sepetang di sini pada Rabu.

nelayan memulakan operasi kerana kelulusan untuk menggunakan nelayan asing.

Dalam perkembangan berlainan, LKIM kata Syed Abu Hussin memberi jaminan kepada orang ramai hasil ikan di perairan Sungai Geting, Tumpat, Kelantan selamat dimakan.

Jelasnya, jaminan itu diberikan kerana pencemaran tersebut tidak menjejaskan ikan.

Bagaimanapun, katanya, hanya hasil kerangan yang tercemar dipercayai berpunca sisa toksin di kawasan berkenaan.

"Hanya kerang-kerangan di kesan telah tercemar dan boleh mengakibatkan kemudaratan jika dimakan kerana cara pemakanan kerang-kerangan berbeza dengan ikan.

Pada 11 Oktober lepas, Jabatan Perikanan Negeri

Kelantan mengeluarkan notis larangan serta merta kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti memungut, menjual dan makan spesies kerang-kerangan di kawasan perairan Sungai Geting.

Spesies kerang-kerangan di lokasi tersebut dipercayai telah dicemari toksin saraf (saxitoxin) daripada alga berbahaya iaitu alexandrium minutum.

70 peratus petani berusia lebih 60 tahun

SERDANG - Isu kekurangan tenaga buruh merupakan antara cabaran utama yang dihadapi negara dalam membangunkan sektor pertanian negara.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, sekitar 70 peratus daripada petani negara ketika ini merupakan individu yang sudah berusia lebih 60 tahun.

Menurutnya, kadar penyertaan golongan usia negara yang menyertai sektor tersebut juga didapati tidak lebih lima peratus daripada jumlah keseluruhan individu di bawah usia berkenaan.

"Ia bermakna kebanyakan yang terlibat dalam sektor pertanian pun dah sampai usia bersara. Situasi ini akan memberi masalah," katanya ketika di-

temui selepas majlis pelancaran empat buku baharu badan penyelidikan tersebut di Ibu Pejabat MARDI di sini.

Mohamad Zabawi berkata, untuk menangani isu tersebut, MARDI menjalankan penyelidikan untuk mempertingkatkan penggunaan automasi dan 'Internet of Things' (IoT) dalam urusan pertanian.

Mengulas mengenai peranan MARDI untuk memastikan jaminan keselamatan bekalan makanan negara, beliau berkata, pihaknya menumpukan penghasilan varieti baharu sayur-sayuran, buah-buahan dan hasil pertanian lain.

Jelasnya, langkah itu secara langsung berupaya meningkatkan kadar produktiviti pertanian negara.

"Kita juga mempertingkatkan kajian untuk sektor ternakan merangkumi isu baka dan makanan ternakan," ujarnya.



Sekitar 70 peratus daripada petani negara ketika ini merupakan individu yang sudah berusia lebih 60 tahun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	23

Pasfa tanam 400 pokok musang king

KUANTAN - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) meluluskan peruntukan RM3 juta kepada Pahang bagi tujuan pembangunan pertanian di negeri ini.

Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM280,000 diperuntukkan kepada Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (Pasfa) bagi menjalankan projek penanaman durian musang king.

Menurutnya, kelulusan itu bagi membolehkan Pasfa memaksimumkan penggunaan tanah ladang milik mereka di Kampung Mahkota, di sini.

“Saya difahamkan Pasfa akan menanam sebanyak 400 pokok durian musang king ber-

mula bulan depan di atas tanah seluas 20 hektar.

“Musang king dipilih kerana ia menghasilkan pulangan yang cukup baik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melawat projek pembangunan pertanian bercampur ladang Kampung Mahkota pada Rabu.

Hadir sama, Pengerusi Pasfa, Datuk Zamri Yaakob.

Sebelum itu, Azulita berkata, penanaman durian musang king itu sebagai tambahan projek tanaman durian sedia ada di ladang Pasfa tersebut.

Menurut beliau, pihaknya dan Pasfa turut menjalankan pemuliharaan 20 pokok durian sedia ada di ladang itu yang telah berusia lebih 20 tahun.



Azulita (tengah) menyiram pokok durian musang king selepas melawat projek pembangunan pertanian bercampur ladang Kampung Mahkota pada Rabu.

Jenama 'Ayam Kampung Dusoon' bukanlah satu nama asing di pasaran tempatan. Namun, untuk menempa nama dan kejayaan yang dikecapi ini tidaklah semudah disangka.

Pengasas Dusoon Sara Enterprise (Dusoon), Firdaus Nazarudin, 33, berkata perjalanannya sebagai pengusaha ayam kampung cukup mencabar.

Menurutnya, dengan berbekal semangat, kesungguhan dan dedikasi, dia berjaya mengemudi perniagaan yang diusahakan sejak 2014 bersama isteri Siti Norain Mohd Taib, 35, sehingga ke tahap yang membanggakan kini.

"Saya bermula dengan menternak ayam kampung secara kecil-kecilan pada 2014.

"Namun, saya berhasrat melangkah lebih serius dan mengembangkan perniagaan menerusi penubuhan syarikat Dusoon Sara Enterprise pada 2016 selepas melihat potensi besar dalam pasaran ayam kampung," katanya.

Peluang pasaran ayam kampung ini juga turut didongsi Firdaus bersama 12 penternak asnaf di bawah kelolaan syarikatnya untuk sama-sama menjana pendapatan sekali gus meningkatkan taraf sosioekonomi mereka.

Kini, Dusoon mempunyai 37 ejen di seluruh semenanjung Malaysia kecuali di pantai timur bagi memasarkan produk keluaran Ayam Kampung Dusoon.

Berkongsi cabaran yang dilaluinya dalam perniagaan, menurut Firdaus pada awalnya prestasi perniagaan syarikatnya amat membanggakan.

Bagaimanapun, sejak penularan wabak Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia memberi kesan terhadap perusahaannya.

Namun, anak kelahiran Perak ini tidak berdiam diri dan bertindak pantas dengan mengubah strategi pemasaran serta menjadi lebih kreatif dalam memasarkan kelangsungan perniagaan ayam kampungnya.

"Sebelum PKP dilaksanakan, saya mampu menjual 1,000 ekor ayam sehari. Namun, kini jumlah ayam kampung berkurang sehingga 300 ekor ayam sehari disebabkan pelbagai faktor termasuklah logistik, tenaga kerja dan lain-lain.

"Bukan itu saja, apa yang lebih mencabar adalah apabila beberapa ejen Ayam Kampung Dusoon terpaksa dikuarantin dan ada juga yang turut disahkan positif Covid-19 sekali gus menjadikan permintaan ayam kampung keluarannya berkurang.

Tangani impak Covid-19

Agrobank menerusi AGROMAKANAN komited bantu usahawan bina semula perniagaan



AGROBANK menerusi AGROMAKANAN (Penjana) sediakan pembiayaan untuk usahawan mikro yang terjejas kerana Covid-19.



FIRDAUS



MOHD TAUFIQ

"Tanpa menoleh ke belakang, saya nekad turun padang dan bergerak ke seluruh semenanjung tanah air untuk memasarkan sendiri Ayam Kampung Dusoon," katanya.

Selain strateginya sendiri, pembiayaan AGROMAKANAN di bawah Penjana yang disalurkan melalui Agrobank juga turut membantu perniagaan Firdaus.

Menurutnya, hasil daripada pembiayaan itu, dia berjaya membuka kilang penyembelihan bagi meningkatkan lagi kuantiti pengeluaran ayam kampungnya.

"Kini, permintaan ayam kampung semakin mendapat tempat dan pergerakan logistik lebih fleksibel berbanding di awal PKP.

"Pembukaan kilang penyembelihan ini juga adalah antara inisiatif yang diambil untuk meningkatkan pengeluaran ayam kampung.

"Pembiayaan dan khidmat nasihat daripada Agrobank turut memberi impak positif kepada saya bagi mengembangkan perniagaan walaupun dalam tempoh yang

sukar ini," katanya.

Selain penternakan ayam kampung, Firdaus juga turut memproses dedak bokashi untuk ternakan sendiri dan jualan kepada penternak tempatan.

Menyadari kepentingan dedak ayam yang berkualiti, Firdaus berazam untuk membuka ladang jagung di masa hadapan bagi menghasilkan jagung bijirin dan mengkomersilkan peladangan terbabit untuk pasaran tempatan.

Bantu Mohd Taufiq kembangkan perniagaan ternakan lembu

Walaupun penularan wabak Covid-19 melumpuhkan banyak perniagaan di Malaysia dan seluruh dunia, ia tidak menghalang Mohd Taufiq Mohd Kosnan, 34, untuk terus menjalankan perniagaan penternakan lembunya dalam tempoh yang sukar ini.

Graduan Institut Veterinar Malaysia ini memulakan kerjayanya di Kompleks Abatoir Teluk Intan selama lima ta-

hun sebelum menyambung pelajaran selama dua tahun.

Selepai menamatkan pengajian, menurut Mohd Taufiq bekerja di syarikat swasta sebelum tekad untuk menceburi bidang perniagaan berasaskan agro seperti menternak lembu dan membekal daging segar.

"Saya berminat terhadap ternakan lembu ini sejak dari kecil lagi apabila melihat arwah bapanya menternak lembu terus.

"Bermula dengan tiga ekor lembu, kini saya berjaya memasarkan daging segar di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya," katanya.

Berkongsi mengenai pengalamannya ketika pandemik Covid-19, Mohd Taufiq berkata dia berdepan kesukaran dalam memasarkan bekalan daging segar terutamanya di awal PKP iaitu pada Mac 2020 disebabkan kekurangan logistik dan permintaan.

Mohd Taufiq berkata, permintaan lembu untuk Hari Raya Aidiladha juga turut berkurang iaitu hanya 190 ekor berbanding 250 ekor sebelum pandemik.

Bagaimanapun, situasi itu sedikit pun tidak mematahkan semangatnya untuk terus bertahan dalam perusahaannya penternakan lembu.

"Saya perlu lebih kreatif dalam memasarkan bekalan daging mentah dan dalam memastikan kelangsungan perniagaan.

"Saya mendapat idea untuk membuat konsep cash on delivery (COD).

"Menerusi kaedah ini, saya berjaya menjual dua ekor daging lembu (anggaran 300

kilogram) dalam seminggu," katanya.

Katanya, dana pembiayaan AGROMAKANAN (Penjana) daripada Agrobank juga turut membantunya mengembangkan perniagaan.

"Pada awalnya, saya tidak mempunyai modal pusingan untuk membeli stok bekalan daging. Urusan perniagaan saya juga turut terhalang dengan kekurangan modal untuk membeli bekalan makanan lembu di kandang akibat PKP.

"Dengan adanya dana AGROMAKANAN (Penjana), sa-

ya menggunakannya sebakinya dengan membeli tiga ekor lembu betina. Hasil daripada pembelian tiga ekor lembu itu, saya kini mempunyai 15 hingga 20 ekor lembu tambahan," katanya.

Mohd Taufiq berkata, dia amat bersyukur kerana mempunyai modal pusingan tambahan bagi mengekalkan aliran tunai syarikat hasil daripada dana AGROMAKANAN (Penjana) yang diterimanya daripada Agrobank pada awal PKP dahulu.

"Bantuan ini secara tidak langsung dapat membantu mengembangkan perniagaan penternakan lembu milik saya," katanya.

AGROMAKANAN (Penjana) adalah satu skim kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melalui Agrobank dengan jumlah peruntukkan RM350 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) kepada usahawan mikro dan usahawan dari kategori B40 yang terabit dalam sektor pertanian dan aktiviti pengeluaran makanan bagi mengharungi cabaran ekonomi pasca pandemik Covid-19.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan AGROMAKANAN (Penjana), sila hubungi pusat khidmat pelanggan Agrobank di talian 1300-88-2476 atau e-mel di customer@agrobank.com.my.

AGRO BANK AGROMAKANAN (PENJANA)

Pembiayaan untuk Usahawan Mikro yang terjejas akibat pandemik COVID-19

Kini untuk usahawan mikro dan usahawan dari kategori B40:
 • Kadai kredit maksimum sebanyak 3.5% setahun
 • Had pembiayaan maksimum hingga RM50,000.00

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

KPDNHEP serius sekat barang kawalan di sempadan



Rosol Wahid

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan operasi lebih ketat dari semasa ke semasa di sempadan negara bagi menyekat aktiviti penyeludupan barang kawalan.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid mengakui walaupun kerja itu tidak mudah, tetapi operasi berterusan

dilakukan dengan kerjasama beberapa agensi penguatkuasa lain.

“Kita mengadakan jaringan kerjasama yang rapat dan erat dengan Polis Marin, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pasukan Gerakan Am (PGA), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kastam Diraja Malaysia dan agensi penguatkuasa lain.

“Kita juga mengadakan program, tindakan untuk mengatasi masalah ketirisan barang kawalan di sempadan dan melaksanakan beberapa pendekatan seperti penguatkuasaan secara proaktif dan tegas bagi membendung ketirisan itu.

“Selain itu, kita mengadakan pengauditan ke atas setiap rangkaian pengedaran barang kawalan dalam negara termasuk mengantung atau menarik balik lesen di bawah Skim Penstabilan Minyak Masak dan Pemegang Lesen Barangan Kawalan Berjadual (CSA) yang disyaki melakukan aktiviti penyelewengan,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi Pertanyaan-Pertanyaan Bagi Jawab Lisan di Dewan Negara hari ini.

Terdahulu, Senator Datuk John Ambrose meminta menteri KPDNHEP menyatakan apakah usaha kementerian dalam menguatkuasakan undang-undang bagi membanteras penyelewengan dan ketirisan barang kawalan di sempadan.

Menurut Rosol, selain penguatkuasaan itu, KPDNHEP juga mengadakan beberapa operasi seperti Ops Ampai bagi mengatasi masalah penggunaan sistem gas berpaip terutama Gas Petroleum Cecair (LPG) di pusat dobi.

Begitu juga, katanya, Ops Goreng dijalankan untuk menangani penyelewengan minyak dengan mengempur kilang di seluruh negara, selain dalam proses membuat pindaan Akta Kawalan Bekalan 1991.

“Setakat ini daripada beberapa sekatan dilakukan, kita telah mengambil tindakan ke atas 12 syarikat pembungkus minyak masak dengan digantung sementara lesen borong dan lesen kuota skim pembekalan minyak masak mereka.

“Di samping itu, enam syarikat lesen Kebenaran di Bawah Kemajuan Petroleum 1974 (Kebenaran PDA) Petroleum yang mengedar petroleum juga digantung untuk dalam siasatan,” katanya.

Menjawab soalan tambahan, Rosol menjelaskan, tindakan dan kerjasama berterusan juga dilakukan bagi mengawal penyeludupan beras dari negara jiran.

Bagaimanapun, katanya, beras berada di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), namun kerjasama tetap diadakan.

“Kadang-kadang mereka yang ada di sempadan ini kerja menyeludup barang ini sebagai satu profesion. Sebab itu, ketika PKP di Kelantan baru-baru ini, penduduk di sempadan mendakwa bekalan beras tidak ada.

“Mereka mendakwa beras dari Thailand tak dapat masuk. Ini yang berlaku, padahal beras dalam negara mencukupi. Maknanya mereka dari sempadan ini menggunakan beras dari negara jiran.

“Jadi, kita akan mengadakan operasi dari semasa ke semasa untuk mengelak berlaku penyeludupan barang dari Thailand ke Malaysia dan pengaliran masuk barang subsidi kita ke Thailand,” katanya. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	23

90 hektar tanah diluluskan untuk bangunkan TKPM

K U A N T A N - Pahang meluluskan tanah seluas 90 hektar di Tanjung Putus, Mukim Kuala Kuantan di sini bagi membangunkan satu lagi Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kelulusan tanah bagi TKPM yang ke-19 di Pahang diputuskan pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri pada Rabu.

Menurutnya, tambahan itu menjadikan keluasan tanah di-khususkan untuk TKPM di negeri ini kira-kira 5,282.85 hektar atau bersamaan keluasan 6,860 padang bola sepak.

"Perkembangan itu meletakkan Pahang sebagai penyumbang terbesar bagi pembangunan TKPM di seluruh negara," katanya melalui satu kenyataan pada Rabu.



WAN ROSDY

Wan Rosdy berkata, tanah di Tanjung Putus yang diluluskan itu melibatkan 28 lot milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Negeri untuk ditanam dengan sayur-sayuran dan tanaman kontan.

"Peserta yang akan dipilih antaranya dalam kalangan belia antara 18 dan 40 tahun lepasan sijil, diploma atau ijazah dalam bidang pertanian serta yang bersesuaian.

"Peluang turut diberikan dalam kalangan rakyat kategori B40 lingkungan umur antara 23 dan 50 tahun," katanya.

Tambah beliau, peserta terpilih akan diberi tanah seluas 0.4 hektar sehingga satu hektar setiap seorang bagi fasa satu.

"Bagi fasa dua nanti, peluasan tapak tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Negeri," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/10/2021	KOSMO	NEGARA	18

Peniaga jalanan jual pelbagai produk pertanian

'Tak perlu bersesak ke Cameron Highlands'

Oleh SYALMIZI HAMID

SEBERANG PERAI – Seorang pemuda di sini mengambil inisiatif untuk menjual pelbagai hasil pertanian seperti strawberi, jagung, ubi dan jeruk jambu batu bagi memberi peluang kepada penduduk sekitar merasai keenakan makanan itu tanpa perlu merentas negeri ke Cameron Highlands.

Mohamad Khairuddin Mat Nawi, 27, yang berniaga di but kereta berkata, dia menjual hasil dari tanah tinggi itu di Jalan Baru, Perai di sini pada setiap hari bagi mengubati kerinduan orang ramai terhadap lokasi perangan popular itu.

Menurutnya, perniagaan itu dimulakan sejak awal tahun ini ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan menerima sambutan menggalakkan daripada orang ramai yang tidak dapat berkunjung ke Cameron Highlands.

"Selepas kerajaan membenarkan rentas negeri ketika ini, saya difahamkan keadaan di sana agak sesak dengan kunjungan orang ramai.

"Jadi, mereka di kawasan sekitar tidak perlu ke sana lagi jika sekadar mahu menikmati strawberi segar atau jagung madu dan ubi yang popular," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Mohamad Khairud-

din lagi, hasil pertanian itu dijamin segar kerana ia akan dibawa secara terus dari Cameron Highlands pada setiap hari.

"Tempahan kepada pembekal dibuat pada sebelah pagi dan lori akan bergerak pada tengah hari sebelum tiba di Pulau Pinang pada sebelah petang.

"Selepas stok tiba, saya akan terus menjualnya di but kereta bermula pukul 5.30 petang hingga 9 malam," katanya.

Tambahnya, harga yang ditawarkan tidak jauh berbeza berbanding di Cameron Highlands apabila menjual sekotak strawberi pada harga RM20 berbanding RM15 di tanah tinggi itu.



MOHAMAD KHAIRUDDIN menunjukkan antara produk pertanian dari Cameron Highlands yang dijual di Jalan Baru, Seberang Perai semalam.



ALIZAN TAMBI

Ayam sakit di utara jeaskan bekalan?

SEREMBAN: Kekurangan bekalan ayam segar di pasaran ketika ini didakwa berpunca daripada masalah ayam di ladang yang sakit dan mati khususnya di negeri-negeri di bahagian utara Semenanjung.

Seorang peniaga ayam di Pasar Ampangan di sini, Alizan Tambi, 50, memberitahu, keadaan tersebut menyebabkan pembekal terpaksa mendapatkan ayam segar dari peladang-peladang di negeri-negeri lain bagi menampung permintaan.

"Sejak kebelakangan ini saya pun terasa berlaku kekurangan ayam segar, setiap hari sekarang ini pembekal tidak dapat memenuhi permintaan, jika saya minta 600 ekor ayam, mereka hanya mampu menyediakan 500 ekor sahaja."

"Sekarang ini saya difahamkan ayam-ayam di utara sakit dan banyak mati, kini pembekal terpaksa ambil ayam di bahagian selatan dan tengah bagi menampung permintaan, mereka menjangkakan isu ini akan berlanjutan sehingga bulan Disember nanti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurut Alizan, kekurangan bekalan turut menyebabkan harga yang diperolehi peniaga daripada pembekal juga sedikit tinggi ketika ini.

"Harga sekilogram ayam yang kami terima daripada pembekal adalah RM6.70 dan harga kami RM9.50 sekilogram ketika ini. Bagi golongan peniaga pula kami menjual kepada mereka pada harga sekitar RM8.40 sekilogram."

'Ayam sudahlah mahal, susah nak dapat pula'

Oleh ROSALWANI CHESOH
utusannews@medianulla.com.my

KOTA BHARU: Pengusaha makanan di sekitar bandar ini mendakwa ayam segar bukan sahaja mahal, malah bekalan juga didapati semakin terhad disebabkan ini menyebabkan perniagaan mereka terjejas.

Kesukaran mendapatkan bekalan ayam segar memaksa mereka mengurangkan hidangan berasaskan ayam atau mencari jalan alternatif menggunakan sumber lain seperti ayam sejuk beku.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang peniaga di Pasir Tumboh, di sini, Wan Azizi Abdul Ghani, 50, berkata, dia yang berniaga ayam percik sebelum ini memerlukan lebih kurang 10 ekor ayam sehari.

"Apabila harga ayam naik antara RM9 hingga ke RM9.50 sekilogram berbanding dulu RM7 hingga RM8 sekilogram, margin untung saya mengencil kerana terpaksa menyerap kenaikan kos itu bagi mengelak menaikkan harga ayam percik."

"Beberapa hari ini, harganya sudahlah mahal susah nak dapat pula apabila pembekal beritahu tak dapat sediakan ayam



PERNIAGAAN ayam percik terjejas sekiranya bekalan ayam segar terhad dan harganya semakin mahal.

sebagaimana biasa kepada saya. Sekarang saya terima lima hingga enam ekor ayam sehari," katanya di sini, semalam.

Keluhan sama dikongsi oleh Zulkifli Abdullah, 58, seorang pengusaha kedai makan nasi ala Kak Wok di Pengkalan Chepa di sini yang mendakwa bekalan terhad itu mula berlaku sejak bulan lepas lagi.

Katanya, di samping berde-

pan harga ayam yang melambung tinggi, dia juga pening kepala apabila bekalan ayam tidak konsisten memaksa dia pergi ke beberapa lokasi untuk mencarinya setiap hari.

"Bekalan sekejap ada sekejap habis. Apabila sering sangat berdepan masalah sama, saya cuba menggunakan ayam sejuk beku namun rasa dan kualitinya tidak sama seperti ayam segar."

"Mahu tak mahu saya berusaha dapatkan ayam segar juga. Bekalan yang ada saya cuba berjinmat cermat dengan cara membuat potongan lebih kecil dan mengehadkan bilangan nasi bungkus yang dijual."

Kata Zulkifli, dia kini dapat menjual kira-kira 60 bungkus nasi ala Kak Wok sehari, berbanding 80 bungkus sehari sebelum ini.

Dedak mahal, ternakan dikurangkan

PONTIAN: Kegagalan mengawal harga dedak yang kini mencecah RM115 setiap 50 kilogram memberi kesan besar kepada kelangsungan industri ternakan ayam yang didakwa berdepan masalah kekurangan bekalan di pasaran.

Malah, kenaikan harga makanan utama ayam itu yang berlaku setiap bulan menyebabkan penternak tiada pilihan dengan menaikkan harga belian di ladang kepada RM6.50 sekilogram bagi menampung kerugian.

Bagi mengatasi masalah itu juga, ada penternak yang terpaksa mengambil langkah drastik dengan mengurangkan jumlah ternakan mereka sehingga 50 peratus kerana tidak mahu dibebani dengan kos yang tinggi setiap bulan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Urusan NB Poultry Processing Industries Sdn. Bhd., Baharudin Ahmad berkata, tanggapan orang ra-



BAHARUDIN AHMAD

mai bahawa kenaikan harga ayam disebabkan ada pihak yang sengaja mengambil kesempatan adalah tidak benar.

"Selain sebagai pengilang dan pengedar, NB Poultry Processing Industries juga memiliki 55 penternak ayam secara ladang kontrak yang sudah tentu kami amat memahami situasi tersebut."

"Mereka (penternak) juga inginkan sedikit keuntungan tetapi jika harga makanan ayam amat tinggi, kami terpaksa me-

nyusun semula perjanjian yang dibuat antara kedua-dua belah pihak," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Tambah Baharudin, disebabkan perkara itu juga, beliau mengakui pihaknya sendiri mengalami kerugian kira-kira RM2 juta dalam tempoh tiga tahun disebabkan kos makanan ayam yang tinggi.

"Ekoran harga dedak mahal, ia turut memberi kesan kepada bekalan anak ayam yang kini berharga RM2.20 seekor berbanding RM1.40 sebelum ini."

Kedudukan itu dilihat tidak memberikan situasi menang-menang kerana masalah yang dihadapi penternak jarang diberi perhatian walaupun mereka 'sumber' utama bekalan ayam.

"Disebabkan masalah tersebut juga, ada penternak mengurangkan jumlah ternakan mereka daripada 200,000 ekor kepada 100,000 ekor ayam kerana sudah tidak mampu untuk menang-

gung kerugian berterusan."

"Ini kerana tidak semua ayam yang diternak 100 peratus akan hidup, ada yang 95 peratus dan sekiranya tidak bernasib baik hanya 40 peratus sahaja yang hidup, di situ sahaja boleh nampak penternak telah rugi," ujarnya.

Selain itu, ujar Baharudin, kekurangan bekalan juga disebabkan faktor penutupan reban ayam yang ketiadaan pekerja terutama pekerja asing memandangkan sebahagian besar pekerja tempatan tidak berminat dalam sektor itu kerana mereka perlu berada di ladang sepanjang masa bagi memastikan ayam dalam keadaan baik.

"Kerajaan perlu melakukan semua kawalan berkaitan industri ternakan ayam bermula dari penternak, pemborong, pengedar dan peruncit supaya tiada pihak yang menjadi mangsa sekiranya berlaku kenaikan harga ayam di pasaran," jelasnya.